

Untuk mengelakkan keraguan, versi asal Prinsip Bon Hijau dalam Bahasa Inggeris yang diterbitkan di laman sesawang ICMA merupakan versi rasmi dokumen ini. Terjemahan ini hanya untuk tujuan maklumat sahaja.

Prinsip Bon Hijau 2018

Garis Panduan Proses Sukarela bagi Terbitan Bon Hijau

Jun 2018

PENGENALAN

Pasaran Bon Hijau bertujuan untuk mewujudkan dan mengembangkan peranan penting pasaran hutang dalam membiayai projek yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Prinsip Bon Hijau (GBP) menggalakkan integriti dalam pasaran Bon Hijau melalui garis panduan yang menyarankan ketelusan, penzahiran dan pelaporan. Ia disediakan untuk kegunaan oleh peserta pasaran dan dirangka untuk mendorong penyediaan maklumat yang diperlukan untuk meningkatkan peruntukan modal kepada projek sedemikian. Dengan memberi tumpuan kepada penggunaan hasil kutipan, GBP bermatlamat untuk menyokong penerbit dalam peralihan model perniagaan mereka ke arah kelestarian alam sekitar melalui projek tertentu.

Penerbitan yang sejahtera dengan GBP perlu menyediakan peluang pelaburan dengan kelayakan hijau yang telus. Dengan menyarankan agar penerbit melaporkan tentang penggunaan hasil kutipan Bon Hijau, GBP menggalakkan langkah ke arah perubahan dalam ketelusan yang memudahcarakan usaha pemantauan dana dalam projek berkaitan alam sekitar, dan pada masa yang sama bertujuan untuk menambah baik pandangan terhadap impak yang dianggarkan.

GBP menyediakan kategori induk bagi Projek Hijau yang layak dengan mengambil kira pelbagai pandangan semasa dan pembangunan yang sedang dijalankan dalam memahami isu-isu alam sekitar dan kesannya, pada masa yang sama menjadi perantara apabila diperlukan dengan pihak lain yang menyediakan takrifan, piawaian dan taksonomi yang saling melengkapi dalam menentukan kelestarian alam sekitar sesuatu projek. GBP menggalakkan semua peserta pasaran agar menggunakan asas ini untuk membangunkan amalan mantap mereka sendiri, dengan merujuk kepada set kriteria pelengkap umum yang relevan.

GBP bersifat kolaboratif dan konsultatif berdasarkan sumbangan daripada Ahli-ahli dan para Pemerhati Prinsip Bon Hijau dan Prinsip Bon Sosial (dirujuk sebagai Prinsip-Prinsip), dan komuniti pihak berkepentingan yang lebih meluas. Prinsip-Prinsip tersebut diselaraskan oleh Jawatankuasa Eksekutif. Pada kebiasaannya, Prinsip-Prinsip tersebut dikemas kini sekali setahun, sejajar dengan perkembangan dan pertumbuhan pasaran Bon Hijau global.

GBP EDISI 2018

Edisi GBP ini memperoleh manfaat maklum balas daripada rundingan Musim Luruh 2017 Ahli-ahli dan para Pemerhati Prinsip, serta input daripada kumpulan kerja yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Eksekutif dengan sokongan daripada Sekretariat.

Edisi 2018 GBP masih dalam rangkuman empat komponen teras (Penggunaan Hasil Kutipan, Proses bagi Penilaian dan Pemilihan Projek, Pengurusan Hasil Kutipan dan Pelaporan), serta saranan bagi penggunaan semakan luaran. Ia memberikan garis panduan tambahan dan takrifan yang dikemas kini bagi semakan luaran sebagaimana yang terkandung dalam “Garis Panduan bagi Semakan Luaran Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari” yang diterbitkan secara berasingan dan disediakan dengan kerjasama rapat dengan penyemak luaran. Ia merujuk kepada Projek-projek layak yang menyumbang kepada lima objektif besar terhadap alam sekitar (pengurangan perubahan iklim, penyesuaian perubahan iklim, pemuliharaan sumber semula jadi, pemuliharaan biodiversiti dan pencegahan dan kawalan pencemaran), berbeza dengan empat kebimbangan utama di dalam GBP edisi 2017 sebelumnya. Ia mengambil maklum bahawa inisiatif di peringkat antarabangsa dan negara untuk menghasilkan taksonomi boleh memberi lebih banyak panduan kepada penerbit Bon Hijau. Pelaporan perkembangan material yang tepat pada masanya juga diberi penekanan dalam edisi yang disemak semula ini.

DEFINISI BON HIJAU

Bon Hijau merupakan sejenis instrumen bon di mana hasil kutipannya akan diguna pakai secara eksklusif untuk membiayai atau membiayai semula, sebahagian atau keseluruhan, Projek Hijau layak yang baharu dan/atau sedia ada (sila lihat Bahagian 1 Penggunaan Hasil Kutipan) dan yang sejajar dengan empat komponen teras GBP. Terdapat pelbagai jenis Bon Hijau yang berbeza di pasaran. Ini diterangkan dalam Lampiran I.

Adalah difahamkan bahawa sesetengah Projek Hijau mungkin mempunyai manfaat sosial secara bersama, dan bahawa pengelasan bon melalui penggunaan hasil kutipan sebagai Bon Hijau hendaklah ditentukan oleh penerbit berdasarkan objektif utama bagi projek pendasarnya. (Bon yang menggabungkan Projek Hijau dan Sosial dirujuk sebagai Bon Lestari, dan panduan khususnya disediakan secara berasingan dalam Garis Panduan Bon Lestari).

Adalah penting bahawa Bon Hijau tidak seharusnya dianggap sepiawai dengan bon yang tidak sejajar dengan empat komponen teras GBP.

PRINSIP BON HIJAU

Bahasa Malaysia language translation courtesy of RAM Consultancy Services Sdn Bhd and
review by Securities Commission Malaysia

Prinsip Bon Hijau (GBP) ialah garis panduan proses secara sukarela yang menyarankan ketelusan dan penzahiran dan menggalakkan integriti dalam pembangunan pasaran Bon Hijau dengan menjelaskan kaedah bagi penerbitan Bon Hijau. Matlamat GBP adalah untuk digunakan secara meluas oleh pasaran: ia menyediakan panduan kepada penerbit tentang komponen utama yang terlibat dalam pelancaran Bon Hijau yang boleh dipercayai; ia membantu pelabur dengan menggalakkan ketersediaan maklumat yang diperlukan untuk menilai impak alam sekitar terhadap pelaburan Bon Hijau mereka; dan ia membantu para penaja jamin dengan menggerakkan pasaran ke arah penzahiran yang dijangkakan yang akan memudahkan urus niaga.

GBP menyarankan proses dan penzahiran yang jelas bagi penerbit, yang boleh digunakan oleh para pelabur, bank, penaja jamin, ejen penempatan dan lain-lain untuk memahami ciri-ciri mana-mana Bon Hijau. GBP memberi penekanan kepada ketelusan, ketepatan dan integriti maklumat yang diperlukan yang akan dizahirkan dan dilaporkan oleh penerbit kepada pihak berkepentingan.

GBP mempunyai empat komponen teras:

1. Penggunaan Hasil Kutipan
2. Proses bagi Penilaian dan Pemilihan Projek
3. Pengurusan Hasil Kutipan
4. Pelaporan

1. Penggunaan Hasil Kutipan

Asas bagi Bon Hijau ialah penggunaan hasil kutipan bon bagi Projek Hijau, yang hendaklah dijelaskan sewajarnya dalam dokumen perundangan bagi sekuriti tersebut. Semua Projek Hijau yang ditetapkan hendaklah memberi manfaat alam sekitar yang jelas, yang akan dinilai dan, di mana sesuai, dinyatakan kuantitinya oleh penerbit.

Sekiranya semua atau sebahagian daripada hasil kutipan adalah atau mungkin digunakan untuk pembiayaan semula, adalah disarankan agar penerbit memberikan anggaran bahagian pembiayaan berbanding pembiayaan semula, dan di mana wajar, turut menjelaskan pelaburan atau portfolio projek mana yang mungkin dibiayai semula, dan setakat yang relevan, tempoh semak kembali (*look-back period*) yang dijangka untuk Projek Hijau yang dibiaya semula.

GBP mengiktiraf dengan jelas beberapa kategori umum kelayakan bagi Projek Hijau, yang menyumbang kepada objektif alam sekitar seperti pengurangan perubahan iklim, penyesuaian perubahan iklim, pemuliharaan sumber semula jadi, pemuliharaan biodiversiti serta pencegahan dan kawalan pencemaran.

Senarai kategori projek berikut, meskipun sebagai petunjuk, merangkumi jenis projek yang paling kerap digunakan, yang disokong atau dijangka akan disokong oleh pasaran Bon Hijau. Projek Hijau termasuk perbelanjaan lain yang berkaitan dan perbelanjaan sokongan seperti R&D dan mungkin berkaitan dengan lebih daripada satu kategori dan/atau objektif alam sekitar. Tiga objektif alam sekitar yang dikenal pasti di atas (pencegahan dan kawalan pencemaran, pemuliharaan biodiversiti dan penyesuaian perubahan iklim) turut disenaraikan sebagai kategori projek dalam senarai tersebut. Oleh itu, ia merujuk kepada projek yang direka secara khusus untuk memenuhi objektif tersebut.

Kategori Projek Hijau layak tersebut, tanpa mengikut susunan tertentu, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- **tenaga boleh diperbaharui** (termasuk penghasilan, penghantaran, perkakasan dan produk);
- **kecekapan tenaga** (seperti dalam bangunan baharu atau dibaik pulih, penyimpanan tenaga, pemanasan daerah, grid pintar, perkakasan dan produk);
- **pencegahan dan kawalan pencemaran** (termasuk pengurangan pelepasan bahan cemar ke udara, kawalan gas rumah hijau, membaik pulih tanah, pencegahan sisa, pengurangan sisa, kitar semula sisa dan sisa cekap tenaga/sisa buangan kepada tenaga);
- **pengurusan kelestarian alam sekitar bagi sumber hidupan semula jadi dan penggunaan tanah** (termasuk pertanian lestari alam sekitar, penternakan haiwan lestari alam sekitar; input ladang pintar iklim seperti perlindungan tanaman biologi atau pengairan titisan; perikanan dan akuakultur lestari alam sekitar, perhutanan lestari alam sekitar, termasuk penghutanan dan penghutanan semula, dan pemeliharaan atau pemulihan landskap semula jadi);
- **pemuliharaan biodiversiti daratan dan akuatik** (termasuk perlindungan persekitaran pinggir laut, marin dan tadahan air);
- **pengangkutan bersih** (seperti elektrik, hibrid, awam, berlandasan, tidak bermotor, pengangkutan pelbagai mod, infrastruktur bagi kenderaan tenaga bersih dan pengurangan pelepasan bahan berbahaya);
- **kelestarian pengurusan air dan sisa air** (termasuk kelestarian infrastruktur bagi air bersih dan/atau minuman, rawatan sisa air, kelestarian sistem perparitan bandar dan river training serta lain-lain bentuk pencegahan banjir);
- **penyesuaian perubahan iklim** (termasuk sistem sokongan maklumat, seperti pemerhatian iklim dan sistem amaran awal);
- **produk, teknologi pengeluaran dan proses yang mengadaptasi konsep cekap eko dan/atau ekonomi kitaran** (seperti pembangunan dan pengenalan produk yang lebih mampan, dengan label eko atau perakuan alam sekitar, pembungkusan dan pengagihan cekap sumber);
- **bangunan hijau** yang memenuhi piawaian atau perakuan yang diiktiraf di peringkat serantau, negara atau antarabangsa.

Walaupun matlamat GBP adalah untuk tidak memihak kepada mana-mana teknologi hijau, piawaian, tuntutan dan pengisytiharan yang optimum bagi manfaat kelestarian alam sekitar,

perhatian perlu diberikan bahawa pada masa ini terdapat beberapa inisiatif sedang dijalankan di peringkat antarabangsa dan negara untuk menghasilkan taksonomi, serta untuk menyediakan pemetaan antaranya bagi memastikan perbandingan boleh dibuat. Ini boleh memberikan panduan tambahan kepada Penerbit Bon Hijau mengenai apa yang dianggap sebagai hijau dan layak oleh pelabur. Pada masa ini, taksonomi ini berada pada pelbagai peringkat pembangunan. Penerbit dan pihak berkepentingan lain boleh merujuk kepada contoh-contoh melalui pautan yang disenaraikan di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>.

Tambahan pula, terdapat banyak institusi yang menyediakan analisis dan nasihat bebas serta panduan mengenai kualiti penyelesaian hijau dan amalan alam sekitar yang berbeza. Definisi hijau dan projek hijau juga mungkin berubah bergantung pada sektor dan geografi.

2. Proses bagi Penilaian dan Pemilihan Projek

Penerbit Bon Hijau hendaklah memaklumkan dengan jelas kepada pelabur tentang:

- objektif kelestarian alam sekitar;
- proses di mana penerbit menentukan bagaimana projek tersebut menepati kategori Projek Hijau layak yang dikenal pasti di atas;
- kriteria kelayakan berkaitan, termasuk, jika berkaitan, kriteria pengecualian atau proses lain yang diguna pakai untuk mengenal pasti dan menguruskan potensi risiko alam sekitar dan sosial yang material berkaitan dengan projek.

Penerbit digalakkan untuk menempatkan maklumat ini dalam konteks objektif, strategi, dasar penerbit dan/atau proses berkaitan dengan kelestarian alam sekitar. Penerbit juga digalakkan untuk menzahirkan mana-mana piawaian atau perakuan hijau yang dirujuk dalam pemilihan Projek.

GBP menggalakkan tahap ketelusan yang tinggi dan menyarankan agar proses Penerbit bagi penilaian dan pemilihan projek dilengkapi dengan semakan luaran (sila lihat bahagian Semakan Luaran).

3. Pengurusan Hasil Kutipan

Hasil kutipan bersih daripada Bon Hijau, atau amaun yang bersamaan dengan hasil kutipan bersih ini, hendaklah dikreditkan kepada akaun sampingan, dipindahkan kepada portfolio sampingan, atau sebaliknya dipantau oleh penerbit dengan cara sewajarnya, dan disahkan oleh penerbit melalui proses dalaman rasmi yang dikaitkan dengan operasi pinjaman dan pelaburan penerbit bagi Projek Hijau.

Selagi Bon Hijau masih belum ditebus, baki hasil kutipan bersih yang dipantau hendaklah dilaraskan secara berkala untuk memadankan peruntukan kepada Projek Hijau layak yang dibuat semasa tempoh tersebut. Penerbit hendaklah memaklumkan kepada pelabur jenis

penempatan sementara yang dihasratkan bagi baki hasil kutipan bersih yang tidak diperuntukkan.

GBP menggalakkan tahap ketelusan yang tinggi dan menyarankan agar pengurusan hasil kutipan penerbit dilengkapi dengan penggunaan juruaudit atau pihak ketiga lain, untuk mengesahkan kaedah pemantauan dalaman dan peruntukan dana daripada hasil kutipan Bon Hijau (sila lihat bahagian Semakan Luaran).

4. Pelaporan

Penerbit hendaklah membuat dan menyimpan maklumat terkini yang mudah didapati mengenai penggunaan hasil kutipan yang perlu diperbaharui setiap tahun sehingga peruntukan dibuat sepenuhnya dan sekiranya terdapat perkembangan yang material, dikemas kini tepat pada masanya. Laporan tahunan tersebut hendaklah termasuk senarai projek ke mana hasil kutipan Bon Hijau telah diperuntukkan, serta penerangan ringkas tentang projek dan amaun yang diperuntukkan, dan jangkaan impaknya. Sekiranya persetujuan kerahsiaan, pertimbangan daya saing, atau bilangan projek pendasar yang banyak mengehadkan amaun perincian yang boleh disediakan, GBP menyarankan supaya maklumat dibentangkan dalam istilah umum atau atas dasar portfolio yang diagregat (contohnya peratusan yang diperuntukkan kepada kategori projek tertentu).

Ketelusan ialah nilai penting dalam memaklumkan impak yang dijangka daripada projek. GBP menyarankan penggunaan petunjuk prestasi kualitatif dan, yang mana sesuai, pengukur prestasi kuantitatif (sebagai contoh, kapasiti tenaga, penjanaan elektrik, pengeluaran gas rumah hijau yang dikurangkan/dielakkan, bilangan orang yang diberi akses kepada tenaga bersih, pengurangan dalam penggunaan air, pengurangan dalam bilangan kereta yang diperlukan, dan lain-lain) dan penzahiran tentang metodologi pendasar utama dan/atau andaian yang digunakan dalam penentuan kuantitatif. Penerbit yang berupaya untuk memantau impak yang telah dicapai digalakkan untuk menyatakan dalam pelaporan berkala mereka.

Garis panduan sukarela yang menyasarkan rangka kerja yang harmoni bagi pelaporan impak tersedia untuk projek cekap tenaga, tenaga boleh diperbaharui, projek air dan sisa air, dan projek pengurusan sisa (sila lihat dokumen panduan di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>). Garis panduan tersebut mengandungi templat bagi format pelaporan impak pada peringkat projek dan portfolio yang boleh disesuaikan oleh penerbit mengikut keperluan. GBP menggalakkan inisiatif lanjut, untuk membantu mewujudkan rujukan tambahan bagi pelaporan impak, yang boleh diterima pakai dan/atau disesuaikan oleh pihak lain mengikut keperluan mereka. Garis panduan bagi sektor tambahan sedang dibangunkan.

Penggunaan ringkasan yang mencerminkan ciri-ciri utama Bon Hijau atau program Bon Hijau, dan memberi ilustrasi ciri-ciri utamanya sejajar dengan empat komponen teras GBP boleh membantu peserta pasaran mendapatkan maklumat. Untuk itu, templat boleh diperoleh di

<https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>.

Templat yang telah dilengkapkan boleh dimuat naik ke dalam talian bagi makluman pasaran (sila rujuk bahagian Pusat Sumber di bawah).

SEMAKAN LUARAN

Adalah disarankan agar, berhubung dengan penerbitan Bon Hijau atau program Bon Hijau, penerbit melantik penyedia semakan luaran untuk mengesahkan kesejajaran bon atau program bon mereka dengan empat komponen teras GBP sebagaimana yang ditakrifkan di atas. Terdapat pelbagai kaedah bagi penerbit memperoleh input luar sedemikian kepada proses Bon Hijau mereka dan terdapat beberapa tahap dan jenis semakan yang boleh disediakan untuk pasaran.

Penerbit boleh mendapatkan nasihat daripada perunding dan/atau institusi dengan kepakaran yang diiktiraf dalam kelestarian alam sekitar atau aspek lain daripada terbitan Bon Hijau. Ia boleh meliputi bahagian seperti pembangunan rangka kerja Bon Hijau penerbit. Khidmat rundingan atau nasihat melibatkan kerjasama dengan penerbit dan berbeza dengan semakan luaran secara bebas. GBP menggalakkan semakan bebas ke atas ciri-ciri alam sekitar bagi (jenis) aset atau aktiviti yang berkaitan dengan Bon Hijau atau program Bon Hijau, di mana berkaitan.

Semakan luaran bebas mungkin berbeza dari segi skop dan mungkin menangani rangka kerja/program Bon Hijau, terbitan Bon Hijau individu, aset pendasar dan/atau prosedur. Secara umumnya, ia dikategorikan kepada jenis-jenis berikut, dengan sesetengah penyedia menawarkan lebih daripada satu jenis perkhidmatan, sama ada secara berasingan atau gabungan:

1. **Pendapat Pihak Kedua:** Institusi dengan kepakaran alam sekitar, yang bebas daripada penerbit boleh memberikan Pendapat Pihak Kedua. Institusi tersebut hendaklah bebas daripada penasihat yang digunakan oleh penerbit bagi rangka kerja Bon Hijaunya, atau prosedur yang sewajarnya, seperti sekatan maklumat, telah dilaksanakan dalam institusi tersebut untuk memastikan Pendapat Pihak Kedua yang bebas. Pada kebiasaannya, ia melibatkan penilaian ke atas kesejajaran dengan Prinsip Bon Hijau. Secara khususnya, ia termasuk penilaian ke atas objektif, strategi, dasar penerbit dan/atau proses berhubung dengan kelestarian alam sekitar, dan penilaian ke atas ciri-ciri alam sekitar bagi jenis projek yang dihasratkan bagi Penggunaan Hasil Kutipan.
2. **Pengesahan:** Penerbit boleh memperoleh pengesahan bebas terhadap set kriteria yang ditetapkan, biasanya berkaitan dengan proses perniagaan dan/atau kriteria alam sekitar. Pengesahan juga memberi tumpuan kepada kesejajaran dengan piawaian dalaman atau luaran atau tuntutan yang dibuat oleh penerbit. Penilaian ke atas ciri-ciri kelestarian alam sekitar aset pendasar juga boleh dianggap sebagai pengesahan dan boleh merujuk kepada kriteria luaran. Jaminan atau pembuktian berhubung kaedah pemantauan dalaman penerbit bagi penggunaan hasil kutipan, peruntukan

dana daripada hasil kutipan Bon Hijau, pernyata impak alam sekitar atau kesejajaran pelaporan GBP, juga boleh dianggap sebagai pengesahan.

3. **Perakuan.** Penerbit boleh meminta agar Bon Hijaunya atau rangka kerja Bon Hijau berkaitan atau Penggunaan Hasil Kutipan diperakui menurut piawaian atau label penilaian hijau luaran yang diiktiraf. Piawaian atau label penilaian mentakrifkan kriteria yang khusus, dan kesejajaran dengan kriteria tersebut biasanya diuji oleh pihak ketiga yang layak dan bertauliah, yang mungkin mengesahkan keseragaman dengan kriteria perakuan.
4. **Penskoran/Penarafan Bon Hijau:** Penerbit boleh meminta Bon Hijaunya, rangka kerja Bon Hijau berkaitan atau ciri utama seperti Penggunaan Hasil Kutipan dinilai oleh pihak ketiga yang berkelayakan, seperti penyedia penyelidikan khusus atau agensi penarafan, menurut metodologi penskoran/penarafan yang telah diiktiraf. Hasilnya mungkin menumpukan kepada data prestasi alam sekitar, perbandingan proses dengan GBP, atau penanda aras lain, seperti senario perubahan dalam iklim sebanyak 2 darjah. Penskoran/penarafan sedemikian adalah berlainan daripada penarafan kredit, meskipun begitu, ia boleh mencerminkan risiko alam sekitar yang material.

Semakan luaran mungkin dibuat secara sebahagian, meliputi hanya sesetengah aspek Bon Hijau penerbit atau rangka kerja Bon Hijau yang berkaitan, atau secara menyeluruh, dengan menilai kesejajaran terhadap semua empat komponen teras GBP. GBP mengambil kira bahawa penentuan masa semakan luaran mungkin bergantung kepada jenis semakan, dan penerbitan semakan tersebut mungkin terbatas oleh keperluan kerahsiaan perniagaan.

GBP menyarankan agar semakan luaran tersebut dizahirkan kepada orang awam serta menyarankan penggunaan templat bagi semakan luaran yang telah dijalankan yang boleh diperoleh di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>. Penyedia semakan luaran juga digalakkan untuk mengisi Templat Pemetaan Perkhidmatan Semakan Luaran yang akan disediakan di laman sesawang ICMA.

GBP menggalakkan penyedia semakan luaran untuk mendedahkan kelayakan dan kepakaran mereka yang berkaitan, dan menyampaikan secara jelas tentang skop semakan yang dijalankan. Garis Panduan Sukarela bagi Penyedia Semakan Luaran telah dibangunkan oleh GBP untuk menggalakkan amalan terbaik. Garis Panduan tersebut ialah inisiatif dibangunkan oleh pasaran untuk menyediakan maklumat dan ketelusan ke atas proses semakan luaran bagi penerbit, penaja jamin, pelabur, pihak berkepentingan lain dan penyedia semakan luaran itu sendiri.

Pusat Sumber

Templat yang disarankan dan sumber GBP yang lain boleh diperoleh di Pusat Sumber di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>.

Templat yang telah lengkap akan disediakan secara dalam talian bagi makluman pasaran di Pusat Sumber dengan mengikuti arahan pada pautan di atas.



PENAFIAN

Prinsip Bon Hijau ialah garis panduan proses sukarela yang bukan suatu tawaran untuk membeli atau menjual sekuriti ataupun nasihat khusus dalam apa saja bentuk (cukai, undang-undang, alam sekitar, perakaunan atau pengawalseliaan) berhubung dengan Bon Hijau atau mana-mana sekuriti lain. Prinsip Bon Hijau tidak mewujudkan apa-apa hak dalam, atau liabiliti kepada mana-mana orang, orang awam atau swasta. Penerbit menerima pakai dan melaksanakan Prinsip Bon Hijau secara sukarela dan bebas, tanpa pergantungan atau rekursa kepada Prinsip Bon Hijau, dan bertanggungjawab penuh bagi keputusan untuk menerbitkan Bon Hijau. Penaja jamin Bon Hijau tidak bertanggungjawab jika penerbit tidak mematuhi komitmen mereka kepada Bon Hijau dan penggunaan hasil kutipan bersih yang terhasil. Jika terdapat percanggahan antara mana-mana undang-undang, statut dan peraturan terpakai dengan garis panduan yang dikemukakan dalam Prinsip Bon Hijau, undang-undang, statut dan peraturan tempatan yang relevan akan terpakai.

LAMPIRAN I

JENIS-JENIS BON HIJAU

Pada masa ini, terdapat empat jenis Bon Hijau (jenis tambahan mungkin terhasil apabila pasaran berkembang dan ini akan dimasukkan dalam kemas kini tahunan GBP):

- **Bon Penggunaan Hijau Hasil Kutipan yang Biasa:** obligasi hutang biasa dengan rekursa kepada penerbit yang sejajar dengan GBP.
- **Bon Hasil Hijau:** obligasi hutang tanpa rekursa kepada penerbit yang sejajar dengan GBP di mana pendedahan kredit dalam bon ialah kepada aliran tunai sandaran hasil daripada aliran hasil, yuran, cukai dan lain-lain, yang mana penggunaan hasil kutipan adalah untuk Projek Hijau berkaitan atau tidak berkaitan.
- **Bon Projek Hijau:** bon projek bagi Projek Hijau tunggal atau berbilang yang mana pelabur mempunyai pendedahan langsung kepada risiko projek dengan atau tanpa potensi rekursa kepada penerbit, dan yang sejajar dengan GBP.
- **Bon Bercagar Hijau:** bon dengan kolateral yang dicagarkan dengan satu atau lebih Projek Hijau khusus tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada bon tertutup (*covered bonds*), sekuriti bersandarkan aset (ABS), sekuriti bersandarkan gadai janji (MBS) dan struktur lain; dan sejajar dengan GBP. Sumber pertama pembayaran balik biasanya daripada aliran tunai daripada aset.

Nota 1:

Perlu disedari bahawa terdapat pasaran bagi bon bertemakan alam sekitar, iklim atau yang selainnya, dalam sesetengah kes dirujuk sebagai “*pure play*”, yang diterbitkan oleh organisasi yang sebahagian besarnya, atau secara keseluruhannya terlibat dalam aktiviti kelestarian alam sekitar, tetapi tidak mematuhi empat komponen teras GBP. Bagi kes sedemikian, pelabur perlu dimaklumkan sewajarnya dan perhatian perlu diambil untuk tidak mengimplikasikan ciri-ciri GBP dengan merujuk kepadanya sebagai Bon Hijau. Organisasi ini digalakkan untuk menerima pakai, di mana sesuai, amalan terbaik GBP yang berkaitan (contohnya bagi pelaporan) bagi bon bertema alam sekitar, iklim atau selainnya yang sedia ada, dan untuk menjajarkan terbitan akan datang dengan GBP.

Nota 2:

Perlu juga disedari bahawa terdapat pasaran bagi bon bertemakan kelestarian yang membiayai gabungan projek hijau dan sosial, termasuk yang boleh dikaitkan kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian (“SDG”). Dalam sesetengah keadaan, bon sedemikian boleh diterbitkan oleh organisasi yang sebahagian besarnya atau secara keseluruhannya terlibat dalam aktiviti kelestarian, tetapi bon mereka tidak mematuhi empat komponen teras GBP.



Bagi kes sedemikian, pelabur perlu dimaklumkan sewajarnya dan perhatian perlu diambil untuk tidak mengimplikasikan ciri-ciri GBP (atau SBP) dengan merujuk kepadaannya sebagai Bon Lestari atau SDG. Organisasi ini digalakkan untuk menerima pakai, di mana sesuai, amalan terbaik GBP dan SBP yang berkaitan (contohnya bagi pelaporan) bagi bon bertema kelestarian, SDG atau selainnya yang sedia ada, dan untuk menjajarkan terbitan masa depan dengan GBP dan SBP.

Pemetaan GBP dan SBP kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) disediakan dan bertujuan untuk memberikan rangka kasar yang boleh dibuat rujukan oleh penerbit, pelabur dan peserta pasaran bon untuk menilai objektif pembiayaan Bon/Program Hijau, Sosial atau Lestari terhadap SDG. Ia boleh didapati di Laman Sesawang ICMA di (<https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/>).